

TALKING POINT**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL****NAIB CANSELOR****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI****4 APRIL 2018****DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Di samping mendengar perkongsian maklumat terkini berkaitan universiti, kita juga dapat menyihatkan badan melalui aktiviti senamrobik yang dijalankan.

2. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang sanggup memberikan komitmen pada pagi yang indah ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri saudara saudari.

INFO PSIKOLOGI

TIPS TINGKATKAN HUBUNGAN POSITIF

3. Pada minggu ini saya ingin berkongsi beberapa tips yang telah disediakan oleh Pusat Kaunseling kita bertajuk **TIPS TINGKATKAN HUBUNGAN POSITIF**.
4. Hidup ini bukanlah bersendirian. Adakala kita memerlukan insan-insan di sekeliling kita untuk berkongsi perasaan, masalah dan pandangan. Justeru amat penting bagi kita untuk sentiasa menjaga hubungan baik dengan individu-individu di sekeliling kita. Bagi membantu anda dalam meningkatkan hubungan positif, berikut disenaraikan beberapa tips yang boleh diamalkan. Semoga hidup anda sentiasa sejahtera!

1. Tanamkan sifat empati dalam diri

Empati membawa maksud, memahami perasaan orang lain seolah-olah kita juga berada pada kedudukan mereka. Sentiasa mengamalkan sikap toleransi terhadap orang lain.

2. Memberi kata-kata penghargaan

Senantiasa memberi kata-kata penghargaan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan oleh raka-rakan kita. Ungkapan seperti “terima kasih, bagus!, Good Job!” dan sebgainya dapat membantu meningkatkan semangat seseorang disamping mengeratkan hubungan.

3. Elakkan kata-kata yang negatif

Sentiasa menjaga lisan kita dari bercakap perkara yang sia-sia. Latih diri untuk bercakap perkara-perkara yang positif. Jauhi dari mengeluarkan kata-kata negatif, sarkastik, kerana ia kan mengeruhkan hubungan dengan orang lain.

4. Jangan mengaibkan orang lain

Banyakkan muhasabah diri daripada hanya mencari salah orang lain. Jangan merendah-rendahkan kebolehan orang lain. Setiap individu ada kekuatan dan kelemahan masing-masing. Jika ada kekurangan, tegur dengan berhemah. Jika ada kekuatan, berikan dorongan agar lebih maju.

5. Memohon dan memberi maaf

Antara sifat kerendahan hati adalah sentiasa terbuka untuk memohon kemaafan memaafkan orang lain. Jauhi dari sifat pendendam kerana ia hanya akan merosakkan hubungan dengan orang lain.

6. Memberi teguran yang lembut

Kata-kata yang lembut dapat menembusi hati yang keras, seperti air yang lembut dapat melekukkan batu yang keras.

7. Bersifat terbuka dan mudah didampingi

Sentiasa memberikan senyuman dan sapaan mesra. Jadilah orang pertama yang memulakan bicara. Orang yang mudah di dekati selalunya disukai oleh orang lain.

8. Amalkan sikap suka membantu

Sikap suka bantu membantu akan mengeratkan sesebuah hubungan dan saling kasih mengasihi

5. Semoga tips-tips diatas dapat diamalkan agar kita sentiasa memelihara hubungan baik sesama kita. Sebagai warga UniMAP, kita semua ibarat bersaudara, bernaung dibawah satu organisasi. Justeru, hubungan yang baik antara kita amat perlu bagi memastikan kelancaran tugas sehari-hari, serta membantu meningkatkan kecemerlangan organisasi yang kita kasihi.

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang saya kasihi

UCAPAN TAHNIAH

6. Alhamdulillah dan tahniah kerana selepas Majlis Menandatangani MOA di antara UniMAP dan Regent College, satu kerjasama akan dilaksanakan di mana satu program pengajian kita iaitu program Sarjana Muda Perniagaan UniMAP akan ditawarkan kepada para pelajar yang berminat tetapi mereka akan mengikuti pengajian ini di Regent College. Keterlihatan UniMAP semakin menyerlah dan insyaAllah kita akan mengembangkan pengajian kita kepada para pelajar walaupun mereka terpaksa mengikutinya di tempat lain.
7. Ucapan tahniah kepada Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Dr Dipima, Mohd Syamril Aklmar dan Nor Suhaila Chepa dari Pusat Bahasa Antarabangsa telah memenangi 'Best Paper Award' untuk kajian 'More Than Words: International Students' University Perceptions and Experiences pada Symposium of International Languages & Knowledge kali ke-5 yang telah berjaya dianjurkan di Walailak University (WU), Thailand pada 30 - 31

Mac 2018. Simposium ini merupakan kerjasama tahunan antara WU, UniMAP dan RMUTSV.

8. Tahniah juga kepada semua penerima anugerah iaitu 127 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 31 penerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang dan 6 Anugerah Kecemerlangan kerana dipilih sebagai penerima dalam Anugerah Seri Gemilang 2017. Semoga anugerah ini menjadi pembakar semangat untuk terus mencurah bakti cemerlang kepada UniMAP. Kepada warga UniMAP yang lain, teruskan berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada UniMAP dan insyaAllah dengan niat yang betul, istiqomah dalam pekerjaan, saudara saudari pula akan terpilih untuk ASG akan datang.
9. Tahniah juga kepada Pusat Pengajian Diploma (PPD) kerana hasil kerjasama antara KISMEC-UniMAP yang berfokus kepada “on-the-job training” telah memberi pendedahan kepada 15 orang pelajar dari program Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Pembuatan, Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik untuk mengikuti program yang sedang berjalan di KISMEC, Kulim bermula 26 Mac sehingga 26 Mei 2018. Khabarnya untuk kali pertama penawaran ini, dua industri telah terlibat iaitu Prestige Dynamics Sdn. Bhd. dan UWC Sdn. Bhd. InsyaAllah mereka yang terpilih ini akan diserap menjadi pekerja di industri terbabit.
10. UniMAP baru-baru ini telah dijemput untuk menghadiri Majlis menandatangani dokumen perjanjian di antara Tessolve Semiconductor Sdn Bhd dengan pihak berkuasa pelaksana Koridor Utara yang berlangsung di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis. Pada majlis tersebut, UniMAP telah menerima satu surat persetujuan di mana kita akan memberikan perkhidmatan kepakaran kita dalam kajian Electric

Two-wheeler. Tahniah UniMAP dan insyaAllah saya pasti kita akan melaksanakan amanah ini dengan sebaik-baiknya. Apa yang lebih penting, kepakaran yang ada di UniMAP kini semakin dipercayai oleh masyarakat luar dan ini menunjukkan betapa UniMAP semakin diyakini kewujudannya dan kita berharap kewujudan ini bukan sahaja di Perlis, malah seanterio dunia. InsyaAllah.

11. Berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam mengharumkan nama UniMAP. Tahniah dan syabas diucapkan.

PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

12. Oh ya, seperti yang kita tahu, manusia berlumba-lumba dalam menjana pendapatan. Bagi yang berstatus penjawat awam juga tidak terkecuali kerana ramai juga yang terlibat dalam perniagaan online dan yang terkini saya dengar ramai yang terlibat dalam perniagaan Bitcoin.
13. Apabila melibatkan perniagaan maya, pasti kita tertanya-tanya status rezeki kita sama ada halal atau haram. Saya memandang tinggi inisiatif yang diambil oleh Pusat Islam UniMAP apabila mereka menyuarakan hasrat untuk menganjurkan Program Siri Kefahaman Islam Kontemporari Semasa Pencerahan Tentang Bitcoin Dari Aspek Muamalah yang bakal disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Haji Muhammad Nasri Md Hussain, dari Universiti Utara Malaysia pada:-

Tarikh	:5 April 2018 (Khamis)
Masa	:9.30 pagi

Tempat :Dewan Kecemerlangan UniMAP, Kampus Pauh Putra

14. Kepada yang berkelapangan, semua adalah dijemput hadir bagi memeriahkan syarahan ini.

PENUTUP

15. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, izinkan saya berkongsi petikan titah ucapan Tuanku Canselor UniMAP pada Majlis Anugerah Seri Gemilang yang berlangsung baru-baru ini mengenai *Prinsip Pekerja Cemerlang*.

... Saya terpanggil untuk menyuarakan hasrat Saya untuk terus melihat agar seluruh warga UniMAP menjadi warga terbaik dengan mengaplikasikan prinsip pekerja cemerlang, sekali gus menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang benar-benar hebat dan mantap.

Ciri-ciri tersebut termasuklah:

Pertama - Proaktif dan mengambil inisiatif

Sebagai kakitangan, seseorang itu harus proaktif dan berinisiatif untuk memulakan usaha sebelum ‘dipaksa’ oleh keadaan yang mendesak atau diarah untuk melakukannya. Malah usaha ini perlulah secara fokus bagi mengelakkan berlakunya kesilapan. Walaupun kesilapan dalam melakukan pekerjaan itu sememangnya boleh terjadi dan dapat dimaafkan, namun jika dilakukan berulang

kali ia pasti menimbulkan masalah kepada diri sendiri dan juga orang lain.

Kedua - Niat yang betul

Perbetulkanlah niat untuk bekerja. Sekiranya niat tidak betul, maka komitmen yang diberikan tidak akan mencapai tahap yang diharapkan. Ramai orang bekerja, tetapi pada masa yang sama tidak faham atau mengerti kenapa mereka bekerja.

Ketiga - Amanah dalam kerja

Sifat amanah adalah perkara asas kepada keharmonian dan kejayaan dalam semua perkara. Jadilah orang yang boleh dipercayai, jujur, ikhlas, sentiasa bercakap benar, tidak menipu, mencuri dan menerima atau memberi rasuah.

Keempat - Komited terhadap kerjaya

Pekerja yang cemerlang adalah mereka yang komited dengan pekerjaan yang dilakukan. Lakukanlah tugas sepenuh hati dan sebaik-baiknya. Walau betapa sukar tugas yang diberikan, bersungguh-sungguhlah melaksanakannya selaras dengan apa yang diharapkan oleh organisasi.

Kelima - Berakhhlak mulia

Ia merupakan teras pembentukan etika kerja profesional di mana melambangkan ketinggian peribadi dan kualiti individu. Akhlak ini merangkumi dalaman dan luaran di mana seseorang yang berakhhlak

baik akan elok dipandang dari segi penampilan, tutur kata, perlakuan atau tindakannya.

Keenam - Jujur dalam pekerjaan

Sentiasalah jujur dalam perbuatan dan pekerjaan kerana ia dapat membentuk hubungan sihat di kalangan pekerja, majikan dan pemegang taruh. Malah ia dapat membendung segala perasaan negatif seperti syak wasangka, tipu daya dan dusta.

Ketujuh - Sentiasa bersyukur

Kita seharusnya sentiasa bersyukur dan ingat bahawa setiap kejayaan atau pencapaian adalah nikmat oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Jangan pernah ada rasa iri hati dan tetapkanlah azam dan berusaha memperbaiki diri dan kualiti kerja masing-masing.

Kelapan - Pengurusan masa yang cekap

Hargailah masa kerana masa yang berlalu tidak boleh diputarkan semula. Justeru, pengurusan masa antara faktor kejayaan dalam pekerjaan kerana membantu meringankan beban tugas di samping memudahkan segala urusan.

Kesembilan - Menilai diri (muhasabah)

Kenapa kita perlu menilai diri? Kerana kita adalah manusia biasa yang tidak lepas dari melakukan kesilapan. Apabila kita menghitung kebaikan dan keburukan yang dilakukan sepanjang kehidupan kita, pasti kita ingin memperbaiki kekurangan diri. Ini akan membawa

manfaat kepada negara apabila kita menyedari kita berperanan sebagai anggota masyarakat, serta

Kesepuluh - Kebijaksanaan

Bijak dalam semua perkara iaitu menggunakan masa dan sumber di sekeliling. Malah, bijak mencorak kehidupan dengan memperbaiki sikap, pengetahuan, kemahiran serta prestasi.

16. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.